Utusan Borneo: 21.11.2026

Lelaki salah guna dadah didenda dan diawasi polis

MIRI: Seorang lelaki didenda RM3,000 atau tiga bulan penjara oleh Mahkamah Majistret di sini, semalam kerana menggunakan dadah berbahaya tanpa kebenaran pihak berkuasa.

Mahkamah turut memerintahkan tertuduh menjalani pengawasan pihak polis dua tahun mengikut Seksyen 38B Akta Dadah Berbahaya (ADB) 1952.

Hukuman itu dijatuhkan Majistret Umi Syukriah Harun selepas mengambil kira beberapa faktor termasuk pengakuan bersalah tertuduh, rayuannya, keseriusan kesalahan serta kepentingan awam.

Tertuduh, Mohd Ezwan Ramlee, 26, dari Bekenu, didakwa mengikut Seksyen 15 (1) (a) ADB 1952 dan dihukum di bawah Seksyen 15 (1) akta yang sama.

Jika sabit kesalahan, tertuduh boleh didenda sehingga RM5,000 atau penjara tidak melebihi dua tahun dan serta-merta dikehendaki menjalani pengawasan oleh pegawai sebagaimana ditakrifkan di bawah Seksyen 2 Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983 selama tempoh tidak kurang dari dua tahun dan tidak melebihi tiga tahun mengikut Seksyen 38B ADB 1952.

Menurut keterangan kes, tertuduh didapati menggunakan dadah berbahaya jenis Amphetamine dan Methamphetamine yang tersenarai di dalam Jadual Pertama ADB 1952 (Akta 234), dengan cara memasukkan dadah tersebut ke tubuh badan sendiri tanpa kebenaran pihak berkuasa.

Kesalahan itu dilakukan tertuduh pada jam 1.30 petang, 2 November 2025 di pejabat Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik, Ibu Pejabat Polis Daerah Miri.

Pendakwaan kes dikendalikan pegawai pendakwa Inspektor Mudzilawati Abdul Rahman, manakala tertuduh tidak diwakili peguam bela.